

POTENSI MEDIA KREATIF DALAM PENDIDIKAN AKIDAH: SATU TINJAUAN LITERATUR

THE POTENTIAL OF CREATIVE MEDIA IN AKIDAH EDUCATION: A LITERATURE REVIEW

Syamila Syamim Mohamad Yatim ¹

Mohd Norazri Mohamad Azri ^{2*}

Suliah Mohd Aris ³

¹ Syamila Syamim Mohamad Yatim: Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40405, Selangor, Malaysia (E-mail: syamilasyamim@uitm.edu.my)

² Mohd Norazri Mohamad Zaini, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40405, Selangor, Malaysia (E-mail: norazri7082@uitm.edu.my)

³ Suliah Mohd Aris, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40405, Selangor, Malaysia (E-mail: sulia384@uitm.edu.my)

*Corresponding author: norazri7082@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Mohamad Yatim, S. S., Mohamad Azri, M. N., & Mohd Aris, S. (2025). Potensi media kreatif dalam pendidikan akidah: Satu tinjauan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 413 – 423.

Abstrak: *Generasi muda masa kini berdepan cabaran besar dalam mempelajari akidah berikutan jurang antara pendekatan pengajaran tradisional dengan kecenderungan mereka terhadap pembelajaran berasaskan visual, ilustrasi, dan teknologi digital. Kajian lepas menunjukkan kaedah berorientasikan hafalan dan syarahan semakin kurang berkesan untuk menarik minat generasi digital, manakala kekurangan bahan bantu mengajar akidah yang sahih dan berasaskan visual telah mendorong pelajar mencari alternatif melalui media sosial. Namun, kandungan di platform tersebut sering dangkal, tidak lengkap atau bercanggah dengan ajaran sebenar, sekali gus berisiko menimbulkan kekeliruan terhadap pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meninjau potensi penggunaan media kreatif seperti ilustrasi, komik dan bahan digital dalam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap akidah. Kajian ini menggunakan reka bentuk sorotan literatur dengan kaedah analisis kandungan tematik bagi meneliti isu cabaran akidah moden, jurang generasi digital, kekurangan bahan bantu mengajar serta potensi media kreatif sebagai instrumen pendidikan akidah. Hasil sorotan mendapati media kreatif bukan sahaja meningkatkan kefahaman, malah turut memupuk motivasi dan minat pelajar. Selain berfungsi sebagai bahan bantu mengajar, medium visual juga muncul sebagai instrumen dakwah kontemporari yang berkesan kerana mampu menyampaikan konsep akidah secara lebih mudah, kreatif dan sesuai dengan konteks generasi muda*

Kata kunci: *Generasi digital, ilustrasi, komik, media kreatif, pendidikan akidah*

Abstract: *The younger generation today faces significant challenges in learning Islamic creed ('aqidah) due to the gap between traditional teaching approaches and their preference for learning methods that emphasize visual elements, illustrations, and digital technologies. Previous studies indicate that strategies based on memorization and lectures are increasingly less effective in engaging digital natives. The lack of authentic and visually oriented teaching aids in 'aqidah has led students to seek alternatives through social media. However, content on such platforms is often superficial, incomplete, or contradictory to authentic teachings, thereby posing a risk of confusion regarding the creed of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Accordingly, this study aims to explore the potential of creative media such as illustrations, comics, and digital resources in enhancing students' understanding of 'aqidah. This study employs a literature review design with a thematic content analysis approach to examine issues related to contemporary challenges in Islamic creed ('aqidah), the digital generation gap, the lack of teaching materials, and the potential of creative media as an educational tool for 'aqidah. The findings suggest that creative media not only improve comprehension but also foster students' motivation and interest. Beyond serving as teaching aids, visual media also emerge as effective contemporary tools of da'wah, as they convey the concepts of 'aqidah in ways that are more accessible, engaging and relevant to the context of today's younger generation.*

Keywords: *'Aqidah education, creative media, illustration, comics, digital resources*

Pengenalan

Pendidikan akidah merupakan teras utama dalam membentuk jati diri Muslim serta melahirkan generasi berakhlak mulia. Menurut Tanjung (2024), akidah berperanan penting dalam pembentukan karakter anak kerana ia menjadi asas kepada segala perilaku dan amalan keagamaan. Hal ini turut diperjelaskan oleh Yuliani (2017) yang menegaskan bahawa peranan guru akidah akhlak amat signifikan dalam membimbing pelajar agar dapat membina pegangan agama yang kukuh sejak di bangku sekolah. Dalam konteks keluarga pula, Utami (2019) menekankan bahawa pendidikan akidah sejak awal kehidupan anak merupakan asas kepada proses internalisasi nilai Islam yang berterusan. Justeru, pengukuhan akidah sejak peringkat awal pendidikan adalah satu keperluan mendesak agar generasi Muslim dapat menghadapi cabaran semasa dengan identiti yang jelas dan berpaksikan Islam.

Namun, dalam konteks globalisasi dan arus digitalisasi masa kini, pengajaran akidah berdepan pelbagai cabaran baharu yang menuntut pendekatan lebih dinamik. Ramli (2015) menegaskan bahawa globalisasi telah membawa perubahan besar dalam memahami keperluan pendidikan Islam, manakala Tamuri dan Hussin (2017) menyorot bagaimana media sosial menjadi cabaran utama dalam memastikan kefahaman akidah disampaikan dengan berkesan. Kajian Ahmad et al. (2025) pula menambah bahawa era pascanormal memperlihatkan kesan ketara terhadap akidah ketuhanan umat Islam apabila wujud kekeliruan nilai akibat pendedahan maklumat tanpa batas. Dalam konteks yang lebih khusus, Jaili dan Metussin (2023) menekankan bahawa media sosial sering menjadi medium utama generasi muda memperoleh pengetahuan agama, namun kandungan yang tidak ditapis berpotensi menimbulkan salah faham terhadap pegangan akidah.

Selain itu, cabaran ini turut dipengaruhi oleh perubahan gaya pembelajaran generasi masa kini. Generasi muda yang tergolong sebagai “digital natives” lebih cenderung kepada kaedah

pembelajaran berasaskan visual, interaktif serta integrasi teknologi digital (Prensky, 2010). Walau bagaimanapun, pendekatan tradisional dalam pendidikan akidah yang menekankan hafalan dan syarahan semakin kurang berkesan dalam menarik minat mereka. Walau bagaimanapun, pendekatan tradisional dalam pendidikan akidah yang lebih menekankan hafalan dan syarahan kurang berkesan dalam menarik minat generasi digital. Hal ini turut ditegaskan oleh Hidayat, Fatimah dan Rosidin (2021) yang mendapati institusi pendidikan Islam berdepan cabaran besar dalam menyesuaikan diri dengan keperluan era digital agar kekal relevan dan lestari. Kajian Azman, Hamzah dan Abd Razak (2025) pula menunjukkan bahawa integrasi digital dalam Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah memberi kesan positif terhadap pembelajaran murid, sekali gus membuktikan bahawa pendekatan konvensional sahaja tidak lagi mencukupi. Fenomena ini mewujudkan jurang yang ketara antara metodologi pengajaran sedia ada dengan keperluan generasi semasa yang lebih responsif terhadap kaedah kreatif dan teknologi bersepadu.

Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk memperkukuh kaedah pengajaran akidah dengan pendekatan inovatif yang mampu menggabungkan unsur visual, ilustrasi dan bahan digital berasaskan sumber sahih. Pendekatan kreatif bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar, malah berpotensi menjadi medium dakwah yang lebih berkesan dalam konteks era digital. Oleh itu, kajian ini meninjau potensi penggunaan media kreatif seperti ilustrasi, komik, dan bahan digital dalam menyokong pembelajaran akidah yang lebih sesuai dengan keperluan generasi muda masa kini.

Metodologi kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan bertujuan memahami secara mendalam isu pendidikan akidah serta potensi media kreatif sebagai instrumen dakwah dan bahan bantu mengajar. Ia menilai literatur terdahulu secara menyeluruh melalui kaedah pengumpulan dan analisis data bagi merumuskan dapatan yang lebih bermakna dan kontekstual.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan sorotan literatur dengan memberi penekanan kepada pengumpulan data daripada sumber ilmiah yang berautoriti serta analisis tematik terhadap karya-karya terdahulu. Dari sudut pengumpulan data, sumber literatur dipilih dengan teliti daripada pelbagai rujukan yang relevan dengan konteks pendidikan akidah dan penggunaan media kreatif. Bahan rujukan utama terdiri daripada buku akademik yang membincangkan asas pendidikan Islam, artikel jurnal yang diterbitkan dalam penerbitan berindeks, prosiding persidangan yang mengupas isu semasa dalam pendidikan akidah serta laporan penyelidikan yang menyorot perkembangan inovasi dalam pembangunan bahan bantu mengajar. Pemilihan sumber-sumber ini dibuat dengan mengambil kira tahap autoriti, kesesuaian konteks serta nilai ilmiahnya terhadap tema kajian.

Kaedah Analisis Data

Dari sudut analisis data, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Semua literatur yang dikaji diteliti bagi mengenal pasti pola dan isu yang berulang, kemudian dirumuskan kepada tema-tema utama. Antara tema yang dikenal pasti termasuklah cabaran pendidikan akidah dalam konteks moden yang dipengaruhi oleh arus globalisasi dan liberalisasi pemikiran, kelemahan pendekatan tradisional yang semakin kurang diminati oleh generasi baharu, kewujudan jurang digital yang menuntut kaedah pembelajaran lebih interaktif,

serta kekurangan bahan bantu mengajar yang khusus dalam bidang akidah. Selain itu, analisis juga menekankan potensi media kreatif sebagai instrumen dakwah kontemporari yang mampu meningkatkan kefahaman, motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran akidah.

Melalui kaedah pengumpulan dan analisis data ini, kajian ini bukan sahaja menghimpunkan bukti dan pandangan daripada pelbagai sumber berwibawa tetapi juga mengolahnya menjadi satu rangka kerja yang jelas untuk menunjukkan keperluan inovasi dalam pembangunan bahan bantu mengajar akidah. Hasilnya, dapatan kajian diharap dapat mengisi jurang antara pendekatan tradisional dengan keperluan generasi muda sekaligus memperkukuh pendidikan akidah dalam konteks semasa.

Sorotan Kajian

Bahagian ini membincangkan sorotan literatur yang berkaitan dengan pendidikan akidah dalam konteks moden serta kaitannya dengan pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan media kreatif. Kajian lepas menunjukkan bahawa cabaran utama pendidikan akidah berpunca daripada pengaruh globalisasi, media digital, dan perubahan gaya hidup generasi muda yang lebih cenderung kepada pembelajaran berasaskan visual serta interaktif. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh, sorotan literatur ini dibahagikan kepada beberapa tema utama, iaitu (i) cabaran akidah dalam konteks moden, (ii) pendekatan tradisional dan jurang generasi digital, (iii) kekurangan bahan bantu mengajar akidah yang kreatif, dan (iv) inovasi dalam pembangunan bahan bantu mengajar akidah berasaskan media kreatif. Pembahagian tema ini membolehkan perbincangan dijalankan secara lebih teratur, selain menghubungkannya dengan objektif kajian yang meninjau potensi media kreatif seperti ilustrasi dan komik dalam meningkatkan kefahaman akidah generasi muda.

Cabaran Akidah dalam Konteks Moden

Perkembangan dunia moden telah membawa pelbagai cabaran terhadap pemeliharaan akidah umat Islam kini. Ancaman pemikiran Islam liberal muncul sebagai antara cabaran utama akidah umat Islam pada era moden kerana ia mempromosikan tafsiran agama yang longgar dan tidak berpandukan al-Quran dan hadith serta autoriti ulama muktabar. Menurut Ismail (2006), aliran ini mengangkat kebebasan mutlak dalam beragama sehingga mencabar prinsip akidah, kedudukan wahyu serta autoriti hadith. Fahaman sebegini jika tidak ditangani akan menggugat kefahaman akidah umat Islam, terutamanya generasi muda yang mudah terdedah kepada idea-idea baharu melalui media sosial.

Di samping itu, kajian Hussain dan Majid (2024) mendapati cabaran terhadap kesahihan sumber ilmu Islam, khususnya hadith dalam era moden. Kemudahan capaian maklumat di internet telah membuka ruang kepada penularan hadith palsu atau tidak sahih tanpa kawalan. Fenomena ini memberi kesan besar kepada pembelajaran akidah kerana sumber yang tidak sahih boleh membentuk kefahaman yang salah dalam kalangan pelajar dan masyarakat. Keadaan ini memperlihatkan keperluan mendesak kepada mekanisme penapisan serta penyediaan bahan pendidikan akidah yang benar-benar berlandaskan sumber muktabar.

Tambahan pula, globalisasi turut membawa masuk pengaruh sekularisme, materialisme dan budaya konsumerisme yang menjejaskan kekuatan rohani umat Islam (Alwi, 2007). Kajian menunjukkan bahawa gejala hedonisme semakin berkembang dalam kalangan masyarakat Islam akibat pengaruh media massa dan hiburan yang mengutamakan keseronokan serta

kebendaan (Mohd Aizam, 2012). Mohammad et al. (2024) pula menegaskan bahawa kesan kolonialisme telah mendorong masyarakat Islam mengadaptasi sistem pendidikan Barat sehingga melahirkan generasi yang kabur identiti meskipun berpendidikan tinggi. Dalam konteks globalisasi, cabaran akidah turut menjadi semakin kompleks dengan arus liberalisasi, pluralisme agama dan relativisme moral yang tersebar luas melalui media digital (Zakaria & Azahari, 2022). Kesemua faktor ini memperlihatkan bahawa ancaman akidah bukan sahaja berpunca daripada kelemahan dalaman malah turut dipengaruhi oleh faktor luaran.

Lebih jauh lagi, cabaran akidah pada era Revolusi Industri 4.0 menjadi semakin signifikan apabila teknologi pintar, kecerdasan buatan dan internet tanpa sempadan memberi kesan langsung kepada cara generasi muda berinteraksi dengan agama. Fariddudin et al. (2022) menegaskan bahawa pendidikan akidah dan akhlak anak-anak di Nusantara berdepan risiko besar apabila media digital lebih dominan daripada peranan guru dan institusi pendidikan. Justeru, mereka menekankan keperluan kepada strategi pendidikan Islam yang lebih inovatif, bersepadu serta berpaksikan sumber sahih agar generasi Muslim mampu menghadapi cabaran persekitaran moden tanpa terhakis pegangan akidah mereka.

Pendekatan Tradisional dan Jurang Generasi Digital

Pendidikan akidah secara tradisional banyak bergantung kepada kaedah hafalan, syarahan, dan pengajaran berpusatkan guru. Walaupun kaedah ini berkesan pada masa lalu, ia semakin kurang sesuai dengan keperluan generasi digital yang cenderung kepada pembelajaran interaktif, visual dan berasaskan teknologi (Hariri, 2025). Fariddudin et al. (2022) turut menekankan bahawa Revolusi Industri 4.0 mengubah gaya hidup pelajar yang kini lebih terdedah kepada teknologi digital, sehingga wujud jurang yang ketara antara pendekatan tradisional dengan keperluan generasi semasa.

Dalam konteks ini, kajian Taher dan Bakar (2021) menekankan bahawa pendidikan Islam perlu berintegrasi dengan pendekatan digital seiring dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0. Jika pengajaran akidah terus bergantung pada kaedah tradisional tanpa menyesuaikan diri dengan ekosistem teknologi, maka jurang antara kaedah pengajaran dengan keperluan generasi semasa akan semakin melebar. Sokongan kepada keperluan perubahan pedagogi ini dapat dilihat dalam dapatan Elias, Hamzah dan Razak (2022) yang membuktikan bahawa pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran akidah meningkatkan motivasi dan kefahaman pelajar apabila disertakan elemen interaktif dan visual. Hal ini mengesahkan bahawa penggunaan media kreatif bukan hanya berfungsi sebagai bahan bantu mengajar tetapi juga mampu bertindak sebagai medium pedagogi yang lebih berkesan.

Selain cabaran pedagogi, arus digital turut membawa isu besar dari segi maklumat dan nilai. Ramadhan dan Dzaikra (2024) menegaskan bahawa cabaran Islam Wasathiyah di era digital berpunca daripada kepantasan arus informasi yang tidak ditapis sekali gus membuka ruang kepada penyebaran fahaman ekstrem atau sesat. Jaili dan Metussin (2023) menunjukkan bahawa media sosial sering menjadi rujukan utama, namun kandungannya banyak yang dangkal atau bercanggah dengan sumber sahih. Penemuan Mustafa et al. (2025) pula memperkukuh dapatan ini dengan membuktikan bagaimana Facebook berperanan membentuk nilai akidah belia Muslim, walaupun maklumat yang diperoleh tidak sentiasa tepat. Hal ini menggambarkan risiko besar sekiranya pelajar bergantung kepada media sosial tanpa bimbingan yang betul.

Walaupun terdapat cabaran, media digital juga membuka ruang dakwah baharu. Basir et al. (2025) menegaskan potensi dakwah digital dalam menyampaikan mesej Islam dengan lebih segar dan relevan termasuk menghubungkannya dengan isu semasa seperti kelestarian alam sekitar. Justeru, integrasi media kreatif seperti ilustrasi, komik dan bahan digital boleh menjadi alternatif berkesan untuk mengisi jurang antara pendekatan tradisional dengan gaya pembelajaran generasi digital. Media kreatif bukan sahaja meningkatkan minat dan kefahaman pelajar, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen dakwah kontemporari yang lebih dekat dengan realiti generasi muda.

Kekurangan Bahan Bantu Mengajar Akidah yang Kreatif

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pendidikan akidah memainkan peranan penting untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar. Namun, kajian menunjukkan bahawa guru masih cenderung menggunakan pendekatan konvensional seperti syarahan, papan putih, dan buku teks semata-mata, tanpa memanfaatkan potensi media kreatif yang lebih interaktif (Jasmi et al., 2011; Embong et al., 2013). Walaupun kaedah tradisional ini mempunyai nilai tersendiri, ia semakin kurang menarik minat generasi baharu yang terbiasa dengan teknologi digital dan media visual. Kekurangan inovasi dalam penggunaan BBM mengakibatkan pengajaran akidah berisiko tidak relevan dengan corak pembelajaran pelajar masa kini.

Dalam konteks peranan guru, kreativiti pendidik dilihat sebagai faktor utama yang dapat memacu keberkesanan pengajaran akidah. Rouf (2019) menegaskan bahawa guru akidah-akhlak perlu mengembangkan kreativiti pembelajaran agar proses penyampaian menjadi lebih hidup, bermakna dan dekat dengan dunia pelajar. Kajian Damhudi, Fakhruddin dan Idris (2023) turut menunjukkan bahawa pendekatan *Contextual Teaching and Learning (CTL)* dapat mendorong pelajar untuk mengaitkan pengajaran akidah dengan realiti kehidupan, sekali gus meningkatkan penglibatan dan motivasi mereka. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini juga mengisytiharkan bahawa ramai guru berdepan kesukaran membangunkan bahan pengajaran yang relevan dengan realiti kehidupan pelajar disebabkan kekurangan kemahiran, latihan, dan sumber sokongan.

Selain kreativiti guru, keberkesanan BBM juga dipengaruhi oleh kesesuaian bahan dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Fatimah Osman (2023) menekankan bahawa faktor BBM yang mendorong pemikiran kritis amat diperlukan dalam Pendidikan Islam kerana ia mampu melatih pelajar menilai isu akidah secara mendalam. Begitu juga, Fashihullisan, Supardi dan Lubna (2024) menunjukkan bahawa era digital menuntut pendidik lebih kreatif dalam memanfaatkan media pembelajaran akidah termasuk integrasi teknologi digital, agar pengajaran lebih dekat dengan budaya generasi digital. Tanpa inovasi ini, pengajaran akidah berpotensi terus bergantung pada hafalan semata-mata dan gagal melahirkan pelajar yang memahami konsep akidah secara kritis.

Dari sudut kurikulum, Ali, Lubis dan Noh (2018) menegaskan bahawa pengajaran akidah yang berkesan perlu mengintegrasikan kemahiran berfikir analitikal dan bukan hanya menekankan aspek kognitif hafalan. Dapatan ini memperkukuh pandangan bahawa ketiadaan BBM kreatif yang dapat menyokong perkembangan pemikiran analitikal pelajar akan melemahkan impak pendidikan akidah. Secara keseluruhan, sorotan ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat usaha dalam kalangan guru untuk mempelbagaikan pendekatan, penggunaan BBM kreatif

dalam pendidikan akidah masih terbatas. Justeru, wujud satu keperluan untuk membangunkan bahan bantu yang inovatif, visual dan interaktif bagi memastikan pengajaran akidah lebih relevan, menarik dan berkesan dalam konteks abad ke-21.

Potensi Media Kreatif sebagai Instrumen Dakwah dan Pendidikan Akidah

Dalam era digital, media kreatif semakin mendapat perhatian sebagai medium yang berkesan dalam menyampaikan ilmu dan membentuk kefahaman agama. Media kreatif merangkumi ilustrasi, komik, animasi, video pendek, dan buku berilustrasi yang mampu menyampaikan mesej agama dengan cara yang lebih menarik, ringkas, dan mudah difahami oleh generasi muda. Yusof, Makhsin dan Ilias (2024) menunjukkan bahawa penggunaan komik sebagai bahan bantu mengajar dalam pendidikan al-Quran dapat meningkatkan minat serta memudahkan pemahaman pelajar terhadap kandungan yang bersifat abstrak. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan berbentuk visual bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai instrumen pembelajaran yang dapat menghubungkan teks agama dengan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif.

Selain itu, Omar (2025) menegaskan bahawa media sosial yang dimanfaatkan secara positif berpotensi menjadi platform penyebaran nilai Islam yang lebih meluas. Generasi muda yang terbiasa dengan kandungan visual lebih mudah terkesan dengan mesej berbentuk grafik, video, dan ilustrasi berbanding teks panjang. Hal ini sejajar dengan pandangan Ismail dan Latiff (2020) yang menekankan keperluan Islamisasi media agar ia bukan sahaja menjadi saluran hiburan, tetapi juga medan dakwah yang menyampaikan ajaran akidah dengan gaya kreatif, relevan, dan mesra pengguna.

Potensi media kreatif dalam pendidikan akidah turut berkait dengan fungsinya sebagai alat dakwah kontemporari. Melalui pendekatan visual dan naratif kreatif, konsep-konsep akidah yang kompleks dapat disampaikan dengan lebih mudah difahami, dihayati, dan diinternalisasikan dalam kehidupan seharian pelajar (Yusof et al., 2024). Justeru, media kreatif bukan sahaja menjadi pelengkap kepada bahan bantu mengajar tradisional, tetapi juga sebagai strategi dakwah moden yang berupaya menjawab cabaran generasi digital masa kini.

Inovasi dalam Pembangunan Bahan Bantu Mengajar Akidah

Perkembangan teknologi pendidikan membuka ruang besar kepada pembangunan bahan bantu mengajar akidah yang lebih inovatif dan mesra generasi digital. Kajian menunjukkan bahawa guru inovatif Pendidikan Islam melihat inovasi bukan sahaja sebagai penciptaan teknologi baharu, tetapi sebagai pendekatan kreatif untuk menjadikan pengajaran lebih relevan dan berkesan (Abdullah et al., 2020; Abdullah, 2022). Dalam konteks ini, penggunaan media kreatif seperti ilustrasi dan komik semakin mendapat perhatian kerana keupayaannya menjelaskan konsep abstrak akidah dalam bentuk visual yang mudah difahami (Yusof, Makhsin & Ilias, 2024).

Kajian Muhammad (2023) dan Dihyah (2021) membuktikan bahawa pembangunan komik digital dalam pembelajaran akidah akhlak dapat meningkatkan kefahaman, minat, serta penglibatan aktif pelajar. Hasil ini selari dengan dapatan Rouf (2019) yang menegaskan bahawa kreativiti guru dalam merangka bahan pembelajaran memberi impak langsung terhadap keberkesanan pengajaran. Malah, penggunaan laman web dan aplikasi digital dalam pendidikan Islam telah dilihat sebagai satu bentuk transformasi ke arah pengajaran yang lebih

interaktif dan sesuai dengan budaya pembelajaran abad ke-21 (Hussin, 2017; Fatimah Osman, 2023).

Selain itu, pengembangan media ilustrasi dan komik dalam pendidikan akidah turut menyokong keperluan pelajar era digital yang cenderung kepada pembelajaran visual serta interaktif (Fashihullisan et al., 2024). Melalui inovasi ini, bahan bantu mengajar akidah tidak hanya berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu, tetapi juga sebagai instrumen dakwah kontemporari yang lebih dekat dengan jiwa pelajar. Justeru, pembangunan bahan bantu mengajar akidah berasaskan media kreatif seperti ilustrasi dan komik wajar diberi perhatian serius sebagai satu strategi untuk meningkatkan kefahaman dan minat generasi muda terhadap akidah.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa pendidikan akidah berdepan dengan cabaran yang semakin kompleks dalam konteks moden, termasuk pengaruh globalisasi, dominasi media sosial serta keterbatasan pendekatan tradisional yang kurang diminati generasi muda. Walaupun terdapat inisiatif menggunakan media kreatif seperti ilustrasi dan komik dalam menyampaikan mesej akidah, dapatan menunjukkan bahawa pembangunan bahan bantu mengajar khusus dalam bidang ini masih kurang mendapat perhatian. Penemuan ini menunjukkan bahawa media kreatif mempunyai potensi besar sebagai instrumen pendidikan dan dakwah kontemporari kerana mampu meningkatkan kefahaman, menarik minat, serta memupuk motivasi pelajar terhadap nilai-nilai akidah.

Berdasarkan sorotan ini, dicadangkan agar penyelidikan lanjutan memberi fokus kepada pembangunan model pengajaran akidah berasaskan media kreatif yang lebih sistematik, berpaksikan sumber rujukan yang sahih serta diuji keberkesanannya melalui kajian empirikal. Penyelidikan masa hadapan juga wajar melibatkan penilaian terhadap keberkesanan pelbagai medium kreatif seperti animasi, komik digital, aplikasi interaktif dan media sosial dalam konteks pendidikan Islam. Hal ini bukan sahaja berpotensi memperkaya kaedah pedagogi akidah malah dapat merapatkan jurang generasi digital dan memperkukuh usaha dakwah dalam era globalisasi.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Mohd Norazri Mohd Zaini dan Suliah Mohd Aris atas sumbangan idea, penyuntingan dan penambahbaikan artikel sepanjang proses penulisan ini.

Rujukan

- Abdullah, W. A. A. W., Razak, K. A., Hamzah, M. I., & Zhaffar, N. M. (2020). Konsep Inovasi Menurut Pandangan Guru Inovatif Pendidikan Islam, *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 13-21. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v4i1.24>
- Abdullah, W. W. A. A. (2022). Guru inovatif Pendidikan Islam dalam inovasi pengajaran. *Unpublished Doctoral Thesis. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Ahmad, S., Basit, A., Bakar, S. K. S. A., & Zuber, N. N. A. (2025). Kesan Era Pascanormal Terhadap Akidah Ketuhanan Umat Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 328-339.
- Ali, M. M., Lubis, M. A., & Noh, M. A. C. (2018). Keberkesanan pengajaran kurikulum Akidah dalam Pendidikan Islam berasaskan kemahiran berfikir analitikal di sekolah menengah. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (Acer-J)*. Eissn2600-769x, 2(1), 15-34.
- Alwi, E. A. Z. E. (2007). Cabaran-cabaran Semasa Umat Islam dan Penyelesaiannya Menurut Agama. *Malaysian Journal of Social Administration*, 4, 39-57.
- Azman, N. A., Hamzah, M. I., & Abd Razak, K. (2025). Digital Integration In Primary School Islamic Education: Perspectives on Its Impact on Students' Learning. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 22(2), 45-65. <https://doi.org/10.32890/mjli2025.22.2.7>
- Basir, M. Z. K., Abdullah, N. A. M. I. T., Pao, T. A., Sham, F. M., Sulaiman, M. N., & Wondi, M. H. (2025). Prospek Penggunaan Dakwah Digital dalam Mendukung Kelestarian Teknologi Hijau di Malaysia [Prospects of Using Digital Da'wah to Support Green Technology Sustainability in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 8(1), 133-149.
- Damhudi, D., Fakhruddin, F., & Idris, M. (2023). Pendekatan Contextual Teaching Learning Dalam Meningkatkan Kreativitas Belajar Pada Pembelajaran Akidah Akhlak Di Min 1 Lebong. *Jurnal Literasiologi*, 9(3). <https://doi.org/10.47783/literasiologi.v9i3.526>
- Dihyah, M. (2021). *Pengembangan Media Komik Strip Melalui Aplikasi Ibis Paint X untuk Pembelajaran Akidah Akhlak* (Doctoral dissertation, IAIN Parepare).
- Elias, F., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2022). Elemen-elemen Pembelajaran Berpusatkan Murid dalam Pengajaran Akidah dan Impaknya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 47(1). 10.17576/JPEN-2022-47.01SI-03
- Embong, W. H. W., Noor, S. S. M., Haron, Z., & Ripin, M. N. (2013). Penggunaan BBM dalam Pendidikan Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Proceeding of SIST2013*.
- Fariddudin, S. N. F. M., Khambali, K. M., & Rahman, S. M. H. S. A. (2022). Cabaran Pendidikan Akidah dan Akhlak Anak Era Revolusi Perindustrian 4.0 di Nusantara serta Solusi Menurut Sarjana Muslim: Challenges of Children's Faith and Morals of the Industry Revolution 4.0 Era in Nusantara and The Solutions according to the Muslim Scholars. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 9(2), 47-60. <https://doi.org/10.22452/ris.vol9no2.3>
- Fasihullisan, J., Supardi, S., & Lubna, L. (2024). Era Digitalisasi: Kreativitas Pendidik Dalam Pemanfaatan Media Pembelajaran Aqidah Akhlak. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 9(3), 2006-2015. <https://doi.org/10.29303/jipp.v9i3.2379>
- Fatihah Osman, S. (2023). Faktor Bahan Bantu Mengajar yang Menyokong Pengamalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21: Factors in Teaching Aids that Support Islamic Education Teachers' Critical

- Thinking Practice in Improving 21st Century Learning Skills. *Sains Insani*, 8(1), 51-57. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no1.428>
- Habidin, N. F., Chik, T. W. T., Ong, S. Y. Y., Muhamad, U. A. & Fuzi, N. M. & (2020). *Isu Dan Cabaran Dalam Pendidikan: Strategi Dan Inovasi*. Tanjung Malim : Kaizentrenovation Sdn. bhd.
- Hariri, Z. F. (2025). Konsep Pendidikan Islam di Era Digital dalam Kitab Tarbiyah Fi Zaman Al Fitn dan Pengaruhnya Terhadap Generasi Digital Native. *Ikhlas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Islam*, 2(3), 157-173. <https://doi.org/10.61132/ikhlas.v2i3.1128>
- Hidayat, A., Fatimah, S., & Rosidin, D. N. (2021). Challenges and prospects of Islamic education institutions and sustainability in the digital era. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 351-366. <https://e-journal.ikhac.ac.id/index.php/NAZHRUNA/article/view/2106>
- Hussain, H., & Majid, L. A. (2024). Pengajian Hadis dalam Era Moden: Cabaran dan Implikasi Terhadap Kesahihan Sumber [Hadith Studies in the Modern Era: Challenges and Implications for the Validity of Sources]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 7(3), 192-200.
- Hussin, N. (2017). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2).
- Ismail, M. A. (2006). *Cabaran Akidah: Pemikiran Islam liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.
- Ismail, S. N., & Latiff, D. I. A. (2020). *Islamisasi Media*. UiTM Press
- Jaili, H., & Metussin, H. (2023). Cabaran media sosial terhadap pendidikan aqidah Islam. *IJUS| International Journal of Umranic Studies*, 6(1), 55-63. <https://doi.org/10.59202/ijus.v6i1.716>
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. M. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Mohd Aizam, M. (2012). *Al-Ghazwu Al-Fikr dan Implikasinya terhadap Pemikiran Umat Islam Masa Kini*. Universiti Sains Islam Malaysia
- Muhammad, A. A. (2023). *Pengembangan Media Pembelajaran Visual Berbasis Komik Dalam Meningkatkan Pemahaman Siswa Pada Mata Pelajaran Akidah Akhlak Di Mts Daarul Ma'arif Lampung* (Doctoral Dissertation, Uin Raden Intan Lampung).
- Mustafa, M. Z., Ghani, Z. A., Ramly, R. M., Azdi, W. M. F., & Zumrah, A. R. Pengaruh Facebook Terhadap Pembentukan Nilai Akidah Belia Muslim di Malaysia. *Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali Yuseri Ahmad Marina Munira Abdul Mutalib*, 96.
- Omar, F. I. (2025). *Penyebaran berkesan nilai-nilai Islam di media sosial mengikut persepsi mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS)*. ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education, 9(1), 141-152. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v9i1.275>
- Prensky, M. (2010). *Teaching Digital Natives: Partnering for Real Learning*. Corwin Press.
- Ramadhan, F., & Dzaikra, A. (2024). Islam Wasathiyah dan Tantangannya di Era Digital: Upaya Meneguhkan Moderasi Beragama di Tengah Arus Informasi. *Sagoe Cendikia*, 1(1), 68-79.
- Ramli, M. A. (2015). Cabaran Globalisasi dalam Memahami Keperluan Waqi' Kehidupan dan Pendidikan Islam: Satu Sorotan.
- Rouf, A. (2019). Pengembangan Kreativitas Belajar Guru Akidah Akhlak. *Jurnal Elementary*, 7(1), 125-132.

- Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017). Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial: Challenges of Islamic Education in Social Media Era. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 37-43. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v1i2.84>
- Tanjung, A. (2024). Peran Akidah Akhlak dalam Pembentukan Karakter Anak. *Innovative: Journal Of Social Science Research*, 4(3), 18742-1875. <https://doi.org/10.31004/innovative.v4i3.12876>
- Utami, Y. (2019). Metode pendidikan aqidah Islam pada anak dalam keluarga. *Jurnal Pedagogy*, 12(2), 126-142. <https://doi.org/10.63889/pedagogy.v12i2.10>
- Yuliani, R. (2017). Peran Guru Akidah Akhlak Dalam Membimbing Perilaku Keagamaan Siswa kelas 4 di MIN 9 Bandar Lampung Tahun Pelajaran 2016/2017 (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung).
- Yusof, N. H., Makhsin, M., & Ilias, M. F. (2024). *Pembangunan Inovasi Bahan Bantu Mengajar Menggunakan Komik dalam Pendidikan al-Quran*. *Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education*, 1(1), 32-42. <https://doi.org/10.37934/sijile.1.1.3242a>
- Zakaria, N. D., & Azahari, R. (2022). Menghayati nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendeponi Cabaran Kontemporari. *Ar-Rā'Iq*, 5(1), 20-74.